



Kementerian Belia & Sukan

**Kenyataan Dasar**

# PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN BELIA NASIONAL



**Kementerian Belia & Sukan**

Bahagian Pembangunan Belia, Lot 4G4, Aras 10 & 11, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62570 Putrajaya  
Tel: 03 - 8871 3333 Faks: 03 - 8888-8761 Laman Web: [www.kbs.gov.my](http://www.kbs.gov.my)

# KANDUNGAN

## TAJUK

### LATARBELAKANG

### TUJUAN

### SEBELAS TERAS PEMBANGUNAN

### 1. TERAS PEMBANGUNAN EKONOMI

### 2. TERAS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

### 3. TERAS PROGRAM RAKAN MUDA

### 4. TERAS PEMBANGUNAN SOSIAL (NILAI)

### 5. TERAS SISTEM PENYAMPAIAN

### 6. TERAS PERANAN MEDIA DAN KOMUNIKASI

### 7. TERAS PERANAN PERTUBUHAN BELIA

### 8. TERAS PEMBANGUNAN BELIA TIDAK BERPESETUAN

### 9. TERAS PEMBANGUNAN KEPIMPINAN

### 10. TERAS PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

### 11. TERAS POLITIK DAN INTEGRASI NASIONAL

### KESIMPULAN

## M/S

4

5

5

6

8

10

12

14

16

18

20

22

24

26

28



## KATA-KATA ALUAN

## YB MENTERI BELIA DAN SUKAN

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.**

Bersyukur kita ke hadirat Allah S.W.T kerana dengan izin dan keredhaannya, Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional ini berjaya kita hasilkan. Kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menghasilkan pelan ini, pihak Kementerian Belia dan Sukan merakamkan selinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih. Segala sokongan, pandangan, buah fikiran, kritikan serta cadangan yang diterima sepanjang proses penyediaan pelan ini adalah amat bermakna dan telah menyumbang secara langsung dalam menghasilkan pelan yang menyeluruh seumpama ini.

Memperakui peranan besar golongan belia dalam mengisi wawasan negara, dan menyedari hakikat perlunya agenda pembangunan belia dirancang secara berpadu lagi menyeluruh berdasarkan keperluan dan permasalahan yang wujud mengikut lapangan pembangunan belia secara khusus, Kementerian Belia dan Sukan merasakan sebuah pelan tindakan pembangunan belia yang lebih menyeluruh dan berjangka panjang seumpama ini perlu diwujudkan. Pelan ini diharap akan membantu semua pihak yang terlibat dalam agenda pembangunan belia negara, terutamanya dalam memperjelas halaju, mengatur strategi bijak dan memperteguh tindakan mampaan dalam membangunkan generasi belia di negara kita.

Harapan saya agar pelan ini dapat difahami, dihayati, diberi sokongan dan sama-sama dilaksanakan secara konsisten dan penuh kesungguhan oleh seluruh warga pembangunan belia. Semoga dengan berkat kesungguhan ini kelak akan tercapai cita-cita kita untuk melahirkan "**Belia Cemerlang, Bangsa Gemilang dan Negara Terbilang**".

Sekian, Wassalam

**DATO' AZALINA DATO' OTHMAN SAID**



# PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN BELIA NASIONAL

## I. LATARBELAKANG

Kerajaan sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan belia kerana menghargai peranan dan sumbangan mereka di dalam pembangunan negara. Sesungguhnya belia merupakan aset terpenting negara yang perlu dibangunkan kerana mereka merupakan pewaris masa depan kita. Bagi mempersiapkan belia menjadi pewaris yang berbilang, Kementerian telah mengatorkan inisiatif ini bagi menyediakan satu pelan terperinci untuk pertimbangan pihak Kerajaan. Penyediaan Pelan Tindakan ini menjadi sangat penting dan kritikal pada masa ini kerana golongan belia kini berdepan dengan berbagai masalah yang sangat membimbangkan masyarakat dan Kerajaan, dan jika tidak dipantau dan diatasi, hasrat serta inspirasi Kerajaan untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang dihormati terjejas.

Menyadari jumlah golongan belia yang berumur 15 - 40 tahun semakin bertambah keperluan menyediakan pelan tindakan yang mengintegrasikan strategi yang efektif serta program dan aktiviti yang memberi manfaat optimum kepada golongan belia adalah kritikal. Jika keperluan ini tidak dipenuhi dan ditangani dengan bijak oleh semua pihak, masalah belia akan terus parah seperti kadar pengangguran akan terus naik, belia yang terlibat dengan jenayah akan meningkat dan belia yang terjejak dengan masalah sosial seperti dadah, samseng serta gejala-gejala lain juga akan bertambah.

Semasa menggubal pelan ini, Kementerian telah mengambil kira pandangan dan input dari pelbagai pihak seperti ahli akademik dan politik, para profesional dalam pelbagai bidang, pemimpin pertubuhan belia terutamanya Majlis Belia Malaysia, NGO dan wakil-wakil dari pelbagai kumpulan etnik. Sesungguhnya pelan ini diharapkan dapat merangkumi hasrat semua pihak terutamanya belia dan seterusnya diharapkan dapat membangunkan belia ke tahap yang memuaskan di samping memperingkatkan perpaduan nasional.



## II. TUJUAN

Tujuan utama Kementerian menyediakan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional ialah untuk mendapatkan komitmen Kerajaan dari segi pementapan dasar dan strategi pembangunan belia. Kementerian sangat berharap dapat mengukuh dan memantapkan strateginya ada dan seterusnya mencadangkan strategi yang lebih relevan dan sesuai dengan keperluan belia masa kini dan masa hadapan selaras dengan perubahan ekonomi yang pesat serta arus globalisasi.

Bagi mencapai tujuan tersebut, skop penyediaan Pelan Tindakan ini akan meliputi 2 tempoh iaitu i) menyediakan satu Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional yang berjangka panjang sehingga tahun 2020 dan ii) menyediakan Pelan Tindakan jangka pendek. Secara jangka pendek, pelan ini akan memberi empat tumpuan utama iaitu pengungtungan Program Rakan Muda, mengupayakan pertubuhan belia, menangani keperluan golongan belia tidak berpersatuan dan memantapkan keupayaan Kementerian Belia dan Sukan. Manakala secara jangka panjang pula, pelan ini mempunyai sebelas Teras Pembangunan Belia.

## III. SEBELAS TERAS PEMBANGUNAN

Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional ini dirancang mengikut sebelas teras pembangunan. Sebelas teras yang dipilih merupakan faktor yang menyumbang kepada kejayaan atau kegagalan sesuatu program pembangunan belia di masa akan datang dan amat penting dan kritikal dalam konteks K-Ekonomi yang diberi tumpuan oleh kerajaan pada masa kini, serta seiring dengan usaha untuk melahirkan belia yang mempunyai kemahiran dan komited kepada pembelajaran sepanjang hayat (*life-long learning*).

Penjelasan setiap teras bermula dari latarbelakang, cabaran, visi dan misi, halaju dan berakhir dengan pelan tindakan bagi mencapai matlamat teras tersebut.



## 1. TERAS PEMBANGUNAN EKONOMI


Penyertaan belia dalam program pembangunan ekonomi dan keusahawanan adalah terhad. Bagi belia yang berpeluang menceburkan diri sebagai usahawan, kualiti penglibatan mereka adalah rendah dan tidak signifikan walaupun Kementerian telah menjalankan berbagai usaha bagi mempertingkatkan ekonomi dan keusahawanan di kalangan belia.

Matlamat pembangunan ekonomi dan keusahawanan belia ialah untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perniagaan belia yang berdaya saing, berintegriti dan cemerlang akan dipasarkan terutamanya meningkatkan keupayaan di kalangan belia memperolehi kemudahan serta memudahkan penglibatan mereka.

Pelan tindakan untuk memantapkan pembangunan ekonomi dan keusahawanan belia adalah seperti berikut:

1. Mewujudkan pusat khidmat perniagaan belia bagi memberi peluang kepada belia berkecimpung dalam semua bidang perniagaan terutamanya di bandar-bandar kecil.

- ii. Memperhebatkan Program Pembangunan Usahawan ICT dengan memberi tumpuan kepada kursus komputer yang diktiraf dan penjualan alat-alat komputer.
- iii. Memperluaskan program inkubator untuk golongan belia.
- iv. Mewujudkan perniagaan pusat tuisyen untuk diusahakan oleh belia.
- v. Mewujudkan bengkel memperbaiki motosikal dan kenderaan dengan kerjasama IKN.
- vi. Mewujudkan satu rangkaian internet shop belia di seluruh Negara.
- vii. Mengaktifkan kembali Tabung Ekonomi Belia dengan wajah baru dengan mengadakan proses penyaringan yang teratur dan pemantauan serta khidmat nasihat yang profesional.
- viii. Mewujudkan kerjasama dengan Persatuan Franchise Malaysia bagi menganjurkan perniagaan berbentuk "franchise" untuk belia seperti perniagaan makanan segera, peraitan sukan, tour & travel, internet shop, bengkel kereta dan perniagaan-perniagaan lain.





## 2. TERAS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Pembangunan sumber manusia di kalangan belia terutamanya lepasan sekolah yang tidak melanjutkan pelajaran dan terus ke pasaran kerja wajar diberi tumpuan. Bagi galangan belia ini Kementerian mempunyai tanggungjawab yang besar dengan menyediakan kemudahan kemahiran dan pengetahuan dalam konteks matlamat K-Ekonomi. Tanpa keperluan asas ini program pembangunan sumber manusia tidak berupaya menyediakan belia menghadapi pembangunan ekonomi yang pesat, tekanan sosial serta arus globalisasi.

Justeru itu matlamat pembangunan sumber manusia belia dalam pelan tindakan ini ialah untuk mewujudkan belia yang berpendidikan dan berpengetahuan serta komited dengan menyediakan persekitaran yang membolehkan belia belajar secara berterusan (*life-long learning*). Kejayaan matlamat ini sangat bergantung kepada keupayaan Kerajaan menyediakan infrastruktur dan kemudahan serta penglibatan belia dengan menggunakan teknologi secara meluas.

Pelan tindakan untuk membangunkan sumber manusia belia adalah seperti berikut:

- i. Memantapkan program latihan kemahiran IKN dengan menyediakan modul yang membolehkan belia belajar secara berterusan (*life-long learning*).
- ii. Meneruskan latihan teknikal yang sedia ada di samping melaksanakan penilaian secara berterusan supaya memenuhi pasaran kerja.
- iii. Mewujudkan pengkhususan untuk setiap IKN di samping memastikan setiap lepasan menghayati konsep keimpinan yang positif.
- iv. Mengadakan kerjasama dengan MLVK di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi memperluaskan peluang latihan kepada belia yang keciciran.
- v. Menyediakan satu 'handbook' pembangunan sumber manusia untuk persatuan belia.
- vi. Menggalakkan pertubuhan belia memainkan peranan sebagai sumber rujukan dan agen pembangunan di peringkat komuniti setempat.
- vii. Meningkatkan kerjasama antara jabatan/agensi yang terlibat dengan pembangunan belia.





**Mahir**



**Dinamik**

**Prihatin**



### 3. TERAS PROGRAM RAKAN MUDA

Rakan Muda diwujudkan untuk menyelesaikan masalah belia lepak. Setelah lapan tahun dilaksanakan penglibatan belia dalam program ini semakin menurun dan menghadapi pelbagai kelemahan. Menyedari kepentingan program ini Kementerian akan menyusun semula Program Rakan Muda bagi melahirkan belia yang prihatin, mahir dan dinamik. Penyusunan semula program ini melibatkan pewujudan jawatan Penggerak Rakan Muda yang akan menjadi mentor bagi merancang, menyelaras, melaksana serta memantau semua aktiviti di peringkat Parlimen dan DUN.

Secara terperinci, pelan tindakan bagi penyusunan semula Program Rakan Muda adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan modul Program Rakan Muda yang seragam sehingga ke akar umbi di samping memastikan lanya mengandungi unsur-unsur patriotisme, daya tahan, semangat berpasukan dan kepimpinan.
- ii. Mempunyai fasilitator yang terlatih bagi mengendalikan semua modul Program Rakan Muda.

- iii. Mewujudkan jawatan Penggerak Rakan Muda di peringkat Parlimen dan DUN dengan mempunyai kemahiran pengurusan dan pemantauan aktiviti Rakan Muda.

- iv. Menyediakan bajet pelaksanaan yang mencukupi secara jangka masa pendek dan jangka masa panjang disamping menggalakkan sumbangan swasta untuk sama-sama membiayai program-program Rakan Muda.

- v. Menentukan pelaksanaan Rakan Muda secara terancang dengan mewujudkan "smart-partnership" dengan pertubuhan-pertubuhan belia atau NGO yang berwibawa.

- vi. Menubuhkan Jawatankuasa Pemantau peringkat negeri bagi memastikan pelaksanaan dan pemantauan yang berterusan.

- vii. Meluaskan publisiti program Rakan Muda kepada umum dengan menggunakan berbagai bentuk saluran media dan bahasa.

- viii. Mengukuhkan penyampaian perkhidmatan pelanggan dengan mewujudkan pusat khidmat pelanggan di pusat-pusat Rakan Muda yang sedia ada dan juga di Pejabat Belia dan Sukan Daerah.





## 5. TERAS SISTEM PENYAMPAIAN

Sistem penyampaian program pembangunan belia yang merangkumi KBS, perubahan belia, Majlis Perundingan Belia Negara dan NGO, menghadapi berbagai kelemahan. Di antara kelemahan tersebut ialah kurang sokongan daripada perubahan belia, kelemahan pentadbiran KBS terutama di peringkat daerah, ketiadaan sistem pemantauan yang berkesan terhadap perijanaan program yang dilaksanakan, kurang penyelarasan program belia di antara agensi dan kekurangan pegawai yang beribawa di peringkat akar umbi.

Justeru, maklumat teras sistem penyampaian ialah mewujudkan satu sistem yang berupaya merancang dan melaksana program pembangunan yang dikendalikan oleh pegawai belia profesional, sokongan dan penglibatan daripada golongan belia dengan dibantu oleh para sukarelawan yang berdedikasi.

Pelan tindakan untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian adalah seperti berikut:

- i. Memperkasakan keupayaan KBS dengan
  - Meningkatkan imej dan Pejabat Belia dan Sukan Daerah
  - Mewujudkan skim tenaga penggerak belia dan sukan
  - Memprofesionalkan Pegawai Belia dan Sukan
  - Meluaskan jenis perkhidmatan pembangunan belia seperti khidmat asas kaunseling kepada para belia yang bermasalah
  - Menyediakan satu perancangan aktiviti tahunan belia di peringkat daerah sebagai asas pemberian peruntukan kewangan
  - Menggredkan pertubuhan belia berdasarkan prestasi
- ii. Memperkasakan Majlis Perundingan Belia Negara dan Negeri
  - Menaiktarafkan Pengerusi
  - Memastikan Majlis memainkan peranan sebagai "Parlimen Belia"
- iii. Meningkatkan kerjasama antara KBS dengan persatuan belia di semua peringkat.
- iv. Mewujudkan mekanisme penyelarasan antara agensi.
- v. Menyaratkan pertubuhan belia menyediakan perancangan aktiviti tahunan sebagai asas untuk KBS menyatukan peruntukan.
- vi. KBS hendaklah menilai keberkesanan semua program secara berterusan.





## 6. TERAS PERANAN MEDIA DAN KOMUNIKASI

Media massa masa kini kurang membuat liputan mengenai kegiatan belia, khususnya mengenai pencapaian dan kegiatan yang positif. Kerajaan juga menghadapi masalah dalam usaha menggalakkan pembabitkan korporat untuk menaja rancangan mengenai belia di radio, TV, billboard dan media-media lain.

Bagi menangani permasalahan ini, matlamat teras peranan media dan komunikasi ialah untuk mengembengkan saluran media dan komunikasi, ICT, kandungan berita belia dan mewujudkan prasarana sokongan media baru khas untuk belia.

Pelan tindakan untuk mengupayakan peranan media adalah seperti berikut:

- i. Menafik profesional media agar lebih faham dan menghayati cabaran serta senario pembangunan belia di Malaysia.
- ii. Mengajukan kursus kewartawanan belia untuk para wartawan dan golongan belia yang berminat dalam bidang kewartawanan, penulisan, penerbitan dan media.
- iii. Mengalakkan akhbar tempatan pelbagai bahasa mewujudkan sisipan khas belia.
- iv. Menerbitkan akhbar belia dalam pelbagai bahasa untuk memenuhi keperluan belia pelbagai kaum.
- v. Memperbanyakkan program belia di radio dan TV.
- vi. Mewujudkan forum antara agensi KBS dan Kementerian Penerangan untuk menyelaras dasar-dasar penyiaran mengenai belia.
- vii. Mewujudkan Unit Hubungan Media di Kementerian Belia dan Sukan dan juga di semua Pejabat Belia dan Sukan Negeri.
- viii. Menyediakan Pelan Media untuk Menteri Belia dan Sukan.







## 7. TERAS PERANAN PERTUBUHAN BELIA

Pertubuhan belia masa kini menghadapi pelbagai cabaran. Antaranya termasuklah imej yang tidak memuaskan, penganjuran program yang kurang berkualiti dan tidak memenuhi keperluan setempat, belia kurang semangat kesukarelawanan, belia kurang masa untuk berpersatuan, kewangan pertubuhan belia yang lemah, masalah kepimpinan dan juga pengurusan yang lemah dan lesu.

Dalam menghadapi cabaran ini, matlamat teras peranan pertubuhan belia ialah untuk menjadikan pertubuhan belia sebagai sebuah organisasi yang unggul dan berupaya bertindak sebagai agen perubahan dan rakan pembangunan masyarakat belia.

Pelan tindakan untuk mengupayakan pertubuhan belia adalah seperti berikut:

- i. Memurnikan falsafah dan matlamat pergerakan pertubuhan belia menerusi penggabalan dan pelancaran Dasar Khidmat Belia Negara, Kempen Pemurnian dan juga penerbitan Handbook Pengupayaan Pertubuhan Belia.
- ii. Memantapkan imej pertubuhan belia menerusi pameran, bengkel dan wacana pengupayaan pertubuhan belia serta melantik Ahli Dewan Negara dari kalangan belia.
- iii. Memantapkan prosarana pertubuhan belia dalam aspek kemudahan fizikal, pembangunan IT, pangkalan data serta sumber kewangan.
- iv. Memperkasa martabat pertubuhan belia dengan mewujudkan indeks prestasi pertubuhan belia, kempen penyertaan belia profesional, latihan kepimpinan, program kerjasama dengan institusi pembangunan dan mewartakan Akta Belia.
- v. Meningkatkan profesionalisme dalam pertubuhan belia dan kerja belia menerusi bengkel kecemerlangan, penubuhan persatuan pekerja belia profesional, penggabalan kod etika kerja belia profesional, konvensyen tahunan profesionalisme dalam kerja belia dan mengiktiraf Program Diploma Belia Dalam Pembangunan (UPM) sebagai keperluan akademik untuk kerja belia.





## 8. TERAS PEMBANGUNAN BELIA TIDAK BERPERSATUAN

Adalah dianggarkan terdapat lebih kurang 60% atau 5.5 juta belia tidak terlibat dalam mana-mana pertubuhan. Antara cabaran besar di dalam membantu mereka ialah mengumpul maklumat terperinci mengenai profil kumpulan belia ini, mengenalpasti keperluan dan 'world view' mereka di samping mencari punca kenapa mereka tidak berpersatuan.

Bagi mendepani cabaran ini, matlamat pembangunan belia tidak berpersatuan ialah untuk mendekati dan memahami mereka dan seterusnya menyediakan perkhidmatan kepada mereka sesuai dengan nilai, ekspektasi dan keperluan mereka.

Pelan tindakan pembangunan belia tidak berpersatuan adalah seperti berikut:

- i. Mengenal, memahami, dan menghargai sistem nilai, norma, keperluan, dan ekspektasi kumpulan-kumpulan belia yang tidak menyertai pertubuhan dan persatuan.
- ii. Lebih responsif terhadap keperluan belia tidak berpersatuan dengan mengupayakan mereka dalam proses membuat keputusan, menggubal program yang lebih fleksibel dan menyediakan pusat aktiviti belia yang lengkap dan mampu menarik penglibatan mereka.
- iii. Mewujudkan Sekretariat Sukarelawan untuk mengembangkan sifat keupayaan dan penglibatan sukarelawan, terutamanya di kalangan belia tanpa persatuan yang berkebolehan.
- iv. Membentuk dan mengukuhkan kerjasama dan perkongsian pintar dengan sektor-sektor perindustrian, teknologi, NGO dan kerajaan yang melaksanakan program untuk belia.
- v. Bertindak kreatif dan inovatif dalam merancang dan melaksanakan program berkualiti yang dapat melewati ekspektasi kumpulan belia tidak berpersatuan.





## 9. TERAS PEMBANGUNAN KEPIMPINAN

Kepimpinan perubahan belia masa kini menghadapi banyak cabaran. Antaranya jurang generasi pemimpin, ketandusan pemimpin pelapis yang berwibawa, kemerosotan semangat kesukarelawanan, campur tangan politik yang berlebihan dan masalah gejala sosial.

Dalam mengatasi pelbagai permasalahan ini, matlamat pembangunan kepimpinan adalah untuk membina barisan kepimpinan generasi muda yang lebih komited, patriotik, telus dan berakuntabiliti berdasarkan nilai-nilai kebenaran, amanah serta toleran yang wajar.

Pelan tindakan pembangunan kepimpinan belia adalah seperti berikut:

- i. Mengkaji semula fungsi dan peranan institusi-institusi yang berkaitan dengan pembangunan kepimpinan belia di pelbagai peringkat meliputi dalam negara dan antarabangsa.
- ii. Memantapkan program latihan kepimpinan belia dengan mewujudkan institut latihan kepimpinan khusus dan menganjurkan lawatan dan sangkutan serta perundingan antara perubahan belia di peringkat dalam negara dan juga antarabangsa.
- iii. Menjadikan Malaysia sebagai pusat latihan kepimpinan dan aktiviti belia antarabangsa.
- iv. Menjadikan Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) sebagai badan pemantauan aktiviti pembangunan kepimpinan belia.
- v. Memantapkan keanggotaan MPBN supaya dapat memainkan peranannya secara lebih profesional.





## 10. TERAS PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Penyelidikan belia di Malaysia setakat ini masih belum menyerlah dan tidak dapat memenuhi keperluan pembangunan belia secara menyeluruh, sedangkan penyelidikan pembangunan belia sebenarnya merupakan asas kepada halatuhu, interpretasi dan pemahaman kepada konteks senario pembangunan belia di negara ini.

Justeru matlamat teras penyelidikan dan pembangunan ialah untuk mewujudkan pusat penyelidikan belia yang unggul dan dapat bertindak sebagai pusat rujukan serta 'networking' pembangunan belia sama ada di peringkat kebangsaan, serantau mahu pun antarabangsa.

Pelan tindakan penyelidikan dan pembangunan belia adalah seperti berikut:

- i. Menubuhkan Institut Penyelidikan Belia Nasional sebagai institusi penyelidikan belia yang ulung dalam menyumbang kepada pembangunan mampan belia dan kesejahteraan sejagat.

- ii. Melaksanakan enam bidang tumpuan penyelidikan yang merangkumi sosialisasi belia, budaya dan agama, potensi belia dan integriti, keorganisasian belia, kepimpinan dan kesukarelawanan, belia dan pendidikan kesihatan serta belia dan politik.

- iii. Mengalakkan penglibatan NGO Belia dalam perancangan dan proses pelaksanaan institut penyelidikan ini.

- iv. Mewujudkan perkongsian pintar di kalangan semua agensi kerajaan yang berkaitan, institusi-institusi penyelidikan belia dan agensi sains sosial lain bagi merancang dan melaksanakan penyelarasan penyelidikan belia.

- v. Mewujudkan sistem pangkalan data dan "clearing house" untuk mengumpul dan menyebarkan hasil kajian mengenai belia.





Menyedari kepentingan tersebut, pelan tindakan bagi memantapkan kestabilan politik dan integrasi nasional ialah;

- i. Meningkatkan kesedaran dan kefahaman sistem politik dan sejarah pentadbiran negara.
- ii. Memperhebatkan kesedaran terhadap masyarakat majmuk Malaysia.
- iii. Memperluaskan kesedaran tentang kedudukan negara dalam konteks global.
- iv. Meningkatkan semangat kekitaan, patriotisme dan nasionalisme belia.
- v. Melaksanakan program meraikan warganegara berusia 21 tahun (MEWANGI 21) untuk melahirkan gagasan belia yang arif tentang sistem demokrasi negara dan tanggungjawab mereka sebagai pengundi.

## 11. TERAS POLITIK DAN INTEGRASI NASIONAL

Belia perlu disedarkan sejarah serta proses politik negara terutamanya tentang sistem politik dan pentadbiran negara sejak merdeka. Tanpa kesedaran tersebut negara akan sentiasa terdedah kepada perubahan politik serantau dan global sehingga menjejaskan kestabilan politik dan sosial terutamanya integrasi nasional.



#### IV. KESIMPULAN

Pelan ini merupakan satu pelan yang komprehensif yang merangkumi sebelas teras pembangunan dan mampu mencorak semula golongan belia sesuai dengan cabaran masa hadapan. Walaupun begitu, kejayaan pelaksanaan pelan ini amat memerlukan sokongan padu, kerjasama dan iltizam yang tinggi daripada semua pihak meliputi seluruh warga jabatan dan agensi Kementerian Belia dan Sukan, agensi-agensi kerajaan lain yang mempunyai hubungkait dengan program pembangunan belia, persatuan-persatuan belia dan lain-lain NGO, pemimpin-pemimpin masyarakat, kumpulan pemikir, pihak swasta, pihak media dan juga segenap lapisan masyarakat Malaysia.

Semoga keazaman dan sokongan yang tinggi dari semua pihak akan dapat memberikan sinergi baru kepada usaha pembangunan kecemerlangan belia di Malaysia dan dapat merealisasikan impian Ke Arah Melahirkan Belia Yang

**CEMERLANG, GEMILANG dan TERBILANG.**



Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah mencurahkan usaha dan komitmen bagi menghasilkan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional ini.

**NOTA**

**NOTA**